



TEKS UCAPAN ALUAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN
(BKK2024)

TAMAN BOTANI PERDANA
9 NOVEMBER 2024 (SABTU)
9.00 PAGI

(A) PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan

1. **ALHAMDULILLAH**, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis yang cukup bermakna pada pagi ini.

2. Majlis pada pagi ini juga menjadi lebih bermakna dengan kehadiran YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail. Sokongan padu YABhg. Dato' Seri adalah satu pengiktirafan atas peranan dan sumbangan institusi keluarga dalam membentuk penduduk Malaysia yang sejahtera.
3. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada semua hadirin dari pelbagai Kementerian, Agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta masyarakat berbilang bangsa yang menjadi

lambang kebersamaan kita semua dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat.

(B) PENDEKATAN KELUARGA MADANI

YABhg. Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,

4. Institusi keluarga merupakan asas penting dalam pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya negara. Konsep Malaysia MADANI, yang diilhamkan oleh YAB Perdana

Menteri, menginspirasi Keluarga MADANI, yang menekankan nilai kemanusiaan, kesejahteraan, dan keadilan sosial, seiring dengan peranan institusi keluarga dalam membentuk individu yang beretika dan bertanggungjawab.

5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerima baik falsafah ini sebagai satu rangka kerja yang komprehensif untuk memperkukuh institusi keluarga di Malaysia. **Menerusi konsep Malaysia MADANI, pelbagai inisiatif dan program serta polisi telah**

diperkenalkan yang mendukung aspek kesejahteraan keluarga seperti program keibubapaan, sokongan kepada ibu bekerja, serta penjagaan kanak-kanak dan warga emas.

6. Dalam usaha mengetengahkan agenda keluarga yang kukuh sebagai elemen teras dalam membina sebuah negara Malaysia MADANI yang progresif, Pakej KASIH MADANI akan diperkasakan melibatkan pelaksanaan empat (4) program khusus kepada kumpulan sasaran iaitu Program Pra

Perkahwinan SMARTSTART 2.0, Program KASIH Keibubapaan Digital, Program Kem Naungan KASIH dan program KASIH Keluarga Ceria.

7. Istimewa bersempena pelancaran sambutan BKK 2024 hari ini, Konsep Rumah KASIH MADANI telah didirikan dan akan dirasmikan oleh YABhg. Dato' Seri sebentar lagi di mana di dalamnya merupakan terjemahan konsep Pakej KASIH MADANI dan kaedah pelaksanaanya. KPWKM yakin gabungan empat (4) program khusus ini dapat membantu

mengukuhkan ke arah pembentukan keluarga yang sejahtera, berdaya tahan dan berperibadi mulia selaras dengan aspirasi KASIH Keluarga, Jiwa MADANI.

(C) KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2022

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,

8. Bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga, Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) telah dibangunkan sebagai antara kaedah yang digunakan untuk memantau tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Antara perkara yang ingin saya *highlight* mengenai dapatan IKK2022 adalah kepentingan **Masa bersama keluarga**.
9. Dapatan menunjukkan, meluangkan masa bersama keluarga adalah sangat penting dalam membina dan memperkukuhkan hubungan keluarga. Dengan meluangkan masa bersama, ahli

keluarga boleh berbincang mengenai cabaran dan kejayaan, berkongsi minat dan aktiviti, serta mempererat ikatan yang penting untuk kesejahteraan emosi dan psikologi.

(D) SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2024

10. Justeru, bulan November ini yang disambut sebagai sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan pada setiap tahun adalah inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga. Ia bagi **memupuk**

ikatan keluarga yang lebih kukuh dengan mempromosikan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, hormat, dan tanggungjawab dalam unit keluarga. Dengan objektif untuk memperkasakan hubungan keluarga, pelbagai aktiviti telah diatur untuk tuan puan seisi keluarga meluangkan masa berkualiti bersama-sama.

11. Untuk pengetahuan semua, tahun ini dunia memperingati ulang tahun ke-30 Keluarga Antarabangsa, yang mengingati

kita tentang pentingnya memelihara institusi keluarga dalam masyarakat.

12. **KASIH Keluarga, Jiwa MADANI** telah dipilih sebagai tema sambutan pada tahun ini. Tema ini menggariskan kepentingan elemen nilai kasih sayang dan keharmonian dalam keluarga sebagai asas kepada pembinaan masyarakat berteraskan kepada prinsip MADANI.

13. **Akronim KASIH yang melambangkan Kasih Sayang, Akhlak, Sihat & Selamat, Ilmu dan Harmoni, adalah**

cerminan elemen utama yang perlu disemai dalam setiap keluarga hari ini dalam melahirkan individu yang berakhlak mulia dan berwawasan. Dengan mengamalkan nilai ini, keluarga mampu membina jiwa MADANI iaitu jiwa yang progresif, terbuka dan beradab berteraskan prinsip ihsan, hormat, harmoni selari dengan aspirasi negara bangsa Malaysia MADANI.

14. Pada sambutan tahun ini, KPWKM memperkenalkan Anugerah Mesra Keluarga bagi dua kategori, iaitu Sektor

Korporat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Anugerah Sektor Korporat diberikan kepada organisasi yang melaksanakan dasar, program, dan inisiatif yang menyokong keseimbangan kerja-kehidupan serta kesejahteraan mental pekerja. Penilaian dilakukan berdasarkan kemudahan mesra keluarga yang disediakan dan impaknya terhadap kesejahteraan pekerja.

15. Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberikan kepada PBT yang menyediakan perkhidmatan mesra keluarga kepada

komuniti. Ini termasuk penyediaan kemudahan awam yang selamat dan inklusif, program sokongan sosial untuk keluarga, serta dasar-dasar yang meningkatkan kesejahteraan komuniti.

16. Pengenalan anugerah ini bertujuan untuk memberi galakan kepada majikan dan pihak berkuasa tempatan agar bekerjasama dengan Kerajaan dalam menyokong polisi dan program mesra keluarga. Inisiatif ini diharapkan dapat memperbaiki keseimbangan antara komitmen kerja dan keluarga, yang akhirnya akan meningkatkan produktiviti

pekerja dan mewujudkan komuniti yang lebih sejahtera dan mesra keluarga.

17. Sambutan BKK 2024 juga melibatkan pelbagai aktiviti yang diatur untuk meraikan dan memperkukuhkan institusi keluarga. Antara acara utama termasuk pra-pelancaran pada 21 September yang telah saya rasmikan di Lawas, Sarawak, Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertemakan "Kepimpinan Keluarga Berintegriti, Ummah Sejahtera" pada 7 November di UIAM, serta Majlis Jalinan Kasih bersempena ulang tahun ke-

45 Perkhidmatan Subfertiiti LPPKN pada 1 Disember 2024, yang menghimpunkan 400 anak hasil kejayaan perkhidmatan tersebut.

18. Hari ini, Sambutan BKK 2024 dimeriahkan dengan acara seperti "KASIH Family Fun Run" yang disertai oleh 2000 ahli keluarga, serta Karnival Keluarga yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik. Selain itu, sambutan ini juga akan diadakan di peringkat negeri sebagai tanda kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memartabatkan

institusi keluarga. Keseluruhannya, Sambutan BKK 2024 menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memperkukuhkan peranan institusi keluarga sebagai asas kepada Malaysia MADANI.

YABhg. Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,

(E) PENUTUP

YABhg. Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang saya kasihi,

19. Akhir kata, buat semua keluarga di luar sana, tak kira walau di mana anda berada, marilah sama-sama kita membenih KASIH menuai Jiwa dengan meraikan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2024 ini. Moga sambutan ini akan menjadi nadi kelestarian untuk kita semua terus kekal harmoni demi Malaysia Tercinta.

Ini Bulan Kita, **Kasih Keluarga, Jiwa MADANI.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.